

SIARAN AKHBAR

HULURAN SOKONGAN DARIPADA KANAK-KANAK MALAYSIA KEPADA KANAK-KANAK DI GAZA



KUALA LUMPUR, 21 Januari 2009 – Kanak-kanak Malaysia di jemput untuk menghulurkan sokongan mereka kepada kanak-kanak di Gaza melalui sebuah projek yang di lancarkan hari ini.

Projek 'Untuk Kawan Ku di Gaza' mengundang kanak-kanak Malaysia menulis surat, kad, poskad atau membuat lukisan untuk menunjukkan kanak-kanak Palestin bahawa mereka sentiasa diingati dan mendoakan keselamatan mereka.

Sejak peperangan bermula di Gaza pada 27hb Disember 2008 lalu, lebih daripada 800,000 kanak-kanak telah terdedahkan kepada tahap kekerasan dan bahaya yang amat luarbiasa, lebih daripada 1600 telah cedera dan lebih daripada 300 telah menjadi mangsa korban. Kanak-kanak yang masih hidup sedang mengalami trauma dan ketakutan yang susah hendak dibayangkan setiap hari, dan menghadapi masaalah kesihatan berkaitan dengan tekanan seperti asthma.

“Kanak-kanak tidak patut menderita sebegini,” hujah Datin Paduka Marina Mahathir, pengasas projek Untuk Kawan Ku di Gaza. “ Projek ini bertujuan memaklumkan kepada kanak-kanak di Gaza bahawa mereka mempunyai kawan-kawan di Malaysia. InsyaAllah, ini akan membuat mereka merasa tidak keseorangan dan memberi mereka kekuatan untuk menghadapi penderitaan ini.”

Turut serta dalam projek ini ialah UNICEF yang akan menghantar surat-surat ini ke Gaza, +wondermilk yang telah mereka logo projek ini dan beberapa sukarelawan yang akan menterjemahkan surat-surat ini ke Bahasa Arab.

“Penderitaan kanak-kanak Gaza adalah bertentangan dengan hak-hak mereka di bawah Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-Hak Kanak-Kanak (CRC) yang memerlukan semua pihak dalam peperangan untuk mengambil semua tindakan untuk menjamin perlindungan orang awam, khususnya kanak-kanak dan wanita,” mengikut Mr Yousoof Oomar, Wakil UNICEF Malaysia dan Wakil Khas, Brunei.



Artikel 38 CRC menjamin perlindungan bagi kanak-kanak dalam peperangan bersenjata dengan meletakkan tanggungjawab untuk perlindungan dan penjagaan kanak-kanak terlibat dalam pertempuran bersenjata di atas kerajaan-kerajaan. Untuk terus memperkuatkan implementasi hak-hak dalam CRC ini, Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah meluluskan Protokol Tidak Wajib mengenai Penglibatan Kanak-Kanak dalam pertempuran bersenjata di mana, antara lain:

Mengenalikan impak buruk dan luas pertempuran bersenjata ke atas kanak-kanak dan akibat jangka masa panjangnya atas keamanan yang berterusan, keselamatan dan pembangunan;

Mengesahkan bahawa hak-hak kanak-kanak memerlukan perlindungan khas dan memanggil untuk membaiki keadaan untuk kanak-kanak yang berterusan tanpa diskriminasi, serta pembangunan dan pendidikan kanak-kanak ini dalam keadaan aman dan selamat.

Surat, kad, poskad dan lukisan boleh di hantar ke **Untuk Kawanku di Gaza, d/a 48, Jalan Terasek Dua, 59100 Kuala Lumpur** sebelum February 20. Semua surat-surat akan diterjemahkan kepada Bahasa Arab, kemudian di hantar ke UNICEF untuk di sampaikan kepada kanak-kanak Gaza.

“Projek ini adalah projek yang amat sederhana dengan tujuan yang amat sederhana juga, iaitu untuk memberi sokongan moral dan ketenangan kepada kanak-kanak yang sedang hidup dalam persekitaran yang amat tegang dan menakutkan. Saya amat terharu dengan galakan yang diberi oleh orang awam dan sekolah-sekolah yang telah berjanji akan menghantar surat-surat ini,” tambah Marina.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Marina Mahathir di 03-2284-8775, Indra Nadchatram di (+6.03) 2095 9157 • (+6) 012 292 6872 or Tee Shiao Eek, (+6.03) 2095 9154 • (+6) 012 207 0138